

KESAN PENGGUNAAN PETA MINDA DALAM PEMBELAJARAN  
MATA PELAJARAN SEJARAH

HASLINA BINTI MOHD. ISMAIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

Jun, 2012

## ABSTRAK

Peta minda merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Peta minda dapat menarik minat dan meningkatkan tahap pemahaman pelajar mengenai sesuatu konsep, maklumat, fakta dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan peta minda terhadap mata pelajaran Sejarah bagi pelajar Tingkatan Dua tahun 2012 di SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor. Kajian ini menggunakan instrumen ujian pencapaian dalam ujian pra dan ujian pasca. Terdapat dua kumpulan sampel kajian iaitu 30 subjek kumpulan kawalan dan 30 subjek kumpulan eksperimen. Data-data dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch perisian *Winsteps Version 3.69.1.11*. iaitu min purata tahap pencapaian dan min logit kumpulan. Analisis Rasch menunjukkan dalam ujian pra tidak terdapat perbezaan yang ketara pencapaian Sejarah antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen dengan min purata tahap pencapaian kumpulan kawalan adalah 0.46 dan min purata tahap pencapaian kumpulan eksperimen adalah 0.47. Min logit kumpulan kawalan adalah -0.22 dan min logit kumpulan eksperimen -0.15. Analisis ujian pasca antara kedua-dua kumpulan menunjukkan min purata tahap pencapaian pelajar kumpulan eksperimen adalah 0.65 berbanding min purata tahap pencapaian kumpulan kawalan 0.61 serta min logit kumpulan kawalan adalah 0.56 dan min logit kumpulan eksperimen adalah 0.78. Hasil kajian menunjukkan penggunaan peta minda telah meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

## ABSTRACT

Mind Mapping is the best method in teaching and learning process by using a graphical method for describing a specific concept. Mind Mapping can help student to increase the achievement and understanding a concept, information, fact and others. This study was conducted to investigate the effect of mind mapping on teaching and learning subject History for Form Two student at SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor. The study used a pre test and post test quasi-experimental with 30 subject in control group and 30 subject in experimental group. Data have been analyzed using mean score and mean logit with a software *Winsteps Version 3.69.1.11*. by Rasch Measurement Model. The result show that there is no difference for achievement in History test knowledge before between two group with mean score experimental group is 0.47 and the mean score control group is 0.46. The result for post test show there is a difference between experimental group and control group. Mean score for experimental group is 0.65 and 0.61 for control group, which means that the use of mind mapping enhances the effectiveness and achievement in subject History for secondary school.

**KANDUNGAN**

<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>		
<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>		
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>	
<b>PENAKUAN</b>	<b>ii</b>	
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>	
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>	
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>	
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>	
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>	
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>	
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Matlamat Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Soalan Kajian	8
1.7	Skop dan Batasan Kajian	9
1.8	Kepentingan Kajian	9

1.9	Jangkaan Dapatan	10
1.10	Kerangka Konsep	10
1.11	Definisi Operasi	
1.11.1	Peta Minda	12
1.11.2	Mata Pelajaran Sejarah	12
1.12	Rumusan	13

## **BAB 2           SOROTAN KAJIAN**

2.1.	Pengenalan	14
2.2.	Konsep Pembelajaran	14
2.3.	Teori-teori Pembelajaran	
2.3.1	Teori Pembelajaran Bermakna	15
2.3.2	Teori Pembelajaran Berasaskan Minda	17
2.3.3	Teori Pembelajaran Kognitif	20
2.3.4	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	21
2.4.	Model Pembelajaran Ekspositori	22
2.5.	Mata Pelajaran Sejarah	24
2.6.	Peta Minda	25
2.7.	Kajian-kajian Lain Yang Berkaitan	28
2.8.	Rumusan	29

## **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1.	Pengenalan	30
3.2.	Reka Bentuk Kajian	30
3.3.	Populasi dan Sampel	31
3.4.	Instrumen	32
3.5.	Kesahan dan Kebolehpercayaan	32
3.5.1	Ringkasan Statistik	33
3.5.2	Polariti Item	34
3.5.3	Pengukuran Item	36

3.6.	Pengumpulan Data	39
3.7.	Carta Alir Kajian	40
3.8.	Carta Gantt Kajian	43
3.9.	Rumusan	43
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Maklumat Demografi	44
4.3	Ringkasan Statistik Ujian	
4.3.1	Statistik Bagi Kebolehpercayaan Dan Indeks Pengasingan Ujian Pra	45
4.3.2	Statistik Bagi Kebolehpercayaan Dan Indeks Pengasingan Ujian Pasca	46
4.4	Analisis Data	
4.4.1	Tahap Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Pasca Dalam Ujian Pra	47
4.4.2	Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	52
4.4.3	Tahap Pencapaian Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	56
4.4.4	Tahap Pencapaian Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca	60
4.5	Penutup	66
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pendahuluan	67

5.2	Perbincangan	68
5.2.1.	Tahap Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra	68
5.2.2.	Tahap Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	70
5.2.3.	Tahap Pencapaian Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	71
5.2.4.	Tahap Pencapaian Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca	72
5.3	Kesimpulan	74
5.4	Cadangan	75
5.4.1.	Institusi Pendidikan	75
5.4.2.	Golongan Pendidik	76
5.4.3.	Pusat Perkembangan Kurikulum	77
5.4.4.	Pelajar	77
5.4.5.	Ibu bapa	78
5.4.6.	Cadangan Kajian Lanjutan	79

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

1.1	Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Peperiksaan Bagi Tahun 2008 Hingga Tahun 2011	6
2.1	Tahap Perkembangan Kanak-kanak Piaget	20
3.1	Pencapaian Pelajar Tingkatan Satu Peperiksaan Akhir Tahun 2011 Dalam Mata Pelajaran Sejarah	29
3.2	Ringkasan Statistik Kajian Kajian Rintis Bagi 30 Pelajar Yang Diukur	31
3.3	Ringkasan Statistik Kajian Rintis Bagi 50 Item Yang Diukur	32
3.4	Analisis Item Polariti Kajian Rintis	33
3.5	Analisis Pengukuran Item Kajian Rintis	34
3.6	Analisis Nilai Misfit Order Kajian Rintis	35
3.7	Analisis Nilai <i>Residual Correlation</i> Kajian Rintis	36
3.8	Jumlah Item Yang Kekal Selepas Kajian Rintis	36
3.9	Tempoh Masa Ujian Pra Dan Ujian Pasca	38
4.1	Maklumat Demografi Pelajar Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	43
4.2	Ringkasan Statistik Indeks Pengasingan Dan Kebolehpercayaan Ujian Pra	44
4.3	Ringkasan Statistik Indeks Pengasingan Dan Kebolehpercayaan Ujian Pasca	45



4.4	Perbandingan Statistik Bagi Kebolehpercayaan Dan Indeks Pengasingan Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pasca	45
4.5	Perbandingan Pencapaian Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	46
4.6	Perbandingan Pencapaian Ujian Pra Dengan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	51
4.7	Perbandingan Pencapaian Kumpulan Eksperimen Antara Ujian Pra Dengan Ujian Pasca	55
4.8	Perbandingan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen	58
4.9	Analisis Perbandingan Nilai <i>DIF</i> <i>Measure</i> Antara Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Esperimen Dalam Ujian Pasca	63

## SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
2.1	Proses Pembelajaran	13
2.2	Hasil Kreativiti Pada Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Bermakna	15
2.3	Kebolehan Otak Kiri Dan Otak Kanan Yang Berbeza Tetapi Saling Melengkapi Antara Satu Sama Lain	17
2.4	Model Empat Kuadran Berfikir	18
2.5	Model Ekspositori	22
2.6	Peringkat Pertama Pembinaan Peta Minda Iaitu Bermula Dengan Isi Utama	23
2.7	Peringkat Kedua Pembinaan Peta Minda, Isi Utama Dipecahkan Kepada Beberapa Isi	23
2.8	Peringkat Ketiga Pembinaan Peta Minda, Pecahan Isi Diberikan Maklumat Tambahan	24
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan Kuasi Eksperimen (Kumpulan Praujian- Pascaujian)	29
3.2	Carta Alir Operasi Kajian	40
4.2	Peta Pembolehubah Ujian Pra Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	48
4.3	Perbandingan Peta Pembolehubah Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra	49
4.4	Peta Pembolehubah Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	52

4.5	Perbandingan Peta Pembolehkan Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca	53
4.7	Peta Pembolehkan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen	56
4.8	Perbandingan Peta Pembolehkan Ujian Pra Dengan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Eksperimen	57
4.9	Peta Pembolehkan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen	60
4.10	Perbandingan Peta Pembolehkan Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca	61

**SENARAI SINGKATAN**

JERI	Jasmani, emosi, rohani, intelek
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
NKRA	Bidang Keberhasilan Negara
GTP	Program Transformasi Kerajaan
SPM	Sijil Tinggi Malaysia
KSSR	Kurikulum Standart Sekolah Rendah
GPK	Gred Purata Keseluruhan
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SMK (P)	Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan
DIF	<i>Differential Item Functioning</i>

**SENARAI LAMPIRAN**

- A Tajuk-tajuk bagi mata pelajaran Sejarah dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga
- B Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1990
- C Peruntukan Jadual Waktu Kurikulum Bersepadu
- D Keputusan-keputusan Peperiksaan bagi menengah rendah tahun 2008 hingga 2011
- E Carta Gantt
- F Ringkasan Statistik (*Summary Statistic*) Ujian Pra
- G Ringkasan Statistik (*Summary Statistic*) Ujian Pasca
- H Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Bagi Ujian Pra
- I Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra
- J Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca
- K Peta Pembolehubah Item (*Item Map*) Ujian Pra
- L *DIF Class Specification* Ujian Pra
- M Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pasca
- N Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca
- O Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca
- P Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pra Dan Ujian Pasca
- Q Susunan Pengukuran (*Measure Order*) Pelajar Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Eksperimen Dalam Ujian Pasca
- R *DIF Class Specification* Ujian Pasca

S	Borang Pengesahan Soalan Pencapaian
T	Soalan Ujian Pencapaian
U	Contoh Hasil Peta Minda Pelajar

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dicetuskan pada tahun 1979 telah menggariskan kecemerlangan individu yang menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI). Keseimbangan insan ini mula dipupuk sejak zaman persekolahan lagi. Lantaran itu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah digubal. Penyemakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dalam mata pelajaran Sejarah bertujuan untuk memantapkan Akta Pendidikan 1996 dan memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) bagi menyediakan warga Malaysia untuk menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21 [1]. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) juga telah menyemak semula kurikulum yang telah digunakan sehingga tahun 2003 bagi memastikan kandungan mata pelajaran Sejarah sejajar dengan perkembangan negara akan datang.

Salah satu daripada enam bidang utama keberhasilan negara (NKRA) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak adalah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan [2]. NKRA ini dijadikan sebagai salah satu teras dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang memberi impak bagi mencapai Wawasan 2020. Kementerian Pelajaran Malaysia mensasarkan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 yang telah diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed pada tahun 1991 menekankan kewujudan negara bangsa Malaysia yang mantap [3]. Kewujudan negara bangsa ini harus dilaksanakan melalui pelbagai saluran dan antaranya adalah melalui sistem pendidikan yang berperanan menjadi wahana utama pembentukan perpaduan masyarakat. Lantaran itu,

pendidikan Sejarah di sekolah-sekolah berperanan penting sebagai mekanisme bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Tanpa pengetahuan sejarah bangsa dan negara, seseorang itu akan hilang pedoman ibarat kapal yang belayar tanpa nakhoda [4].

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Salah satu elemen penting untuk memenuhi matlamat dan aspirasi negara adalah melalui pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. Mata pelajaran Sejarah dapat menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan pelajar-pelajar di samping nilai-nilai murni dan semangat patriotik. Sejarah mempunyai kaitan dengan seluruh pengalaman manusia pada masa lampau hingga zaman sekarang dan bukan hanya bidang politik pada masa lalu tetapi mencakupi bidang yang amat luas [5].

Sejarah penting untuk dipelajari oleh semua lapisan masyarakat sama ada yang muda atau tua kerana dengan merujuk masa lalu, seseorang akan dapat pengalaman asas untuk menghadapi masa depan dengan penuh yakin. Sejarah mempunyai perkaitan rapat dengan disiplin ilmu yang lain kerana mata pelajaran Sejarah merentas kurikulum dan merupakan satu-satunya mata pelajaran yang paling banyak membincangkan aspek kewarganegaraan dan ketamadunan manusia yang perlu disebatikan dalam jiwa kanak-kanak sejak di bangku sekolah lagi [6]. Setiap mata pelajaran atau disiplin ilmu yang lain mempunyai kaitan rapat dengan Sejarah sama ada mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Sains mahupun aliran Teknik dan Vokasional.

Pendidikan bermatlamat untuk mendidik perkembangan minda dan sahsiah seseorang melalui pelbagai cara dan aktiviti yang dapat menyalurkan maklumat kepada pelajar [7]. Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia [8]. Pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan negara luar melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.



Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras dan penting yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Sekolah Menengah. Hal ini kerana pengajaran mata pelajaran Sejarah mampu membentuk jiwa, akhlak dan jati diri bangsa khususnya dalam memupuk semangat patriotisme. Sejarah dapat mendidik tingkah laku pelajar melalui ciri-ciri dan faedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Menurut [5], terdapat beberapa faedah dalam mempelajari mata pelajaran Sejarah, antaranya:

- i. Pentafsiran – merujuk kebolehan pelajar untuk memberikan hujah-hujah dan fakta-fakta yang benar sahaja.
- ii. Tanggapan – pengajaran sejarah akan dapat melahirkan golongan cendekiawan yang akan meletakkan latar belakang sejarah sebagai asas kepada tindakan demi kepentingan masyarakat dan negara.
- iii. Peristiwa sekarang – melalui kesedaran sejarah, pelajar akan lebih peka, insaf dan berani untuk mengemukakan sesuatu pendapat dengan yakin. Pengetahuan sejarah dapat memberi penghayatan dan kefahaman terhadap masalah yang dihadapi oleh sesuatu bangsa, masyarakat dan negara.
- iv. Pembentukan kewarganegaraan dan menghargai perjuangan – pengajaran mata pelajaran Sejarah merupakan asas bagi pendidikan kewarganegaraan. Ia juga dapat mengembangkan semangat kesetiaan dan kebangsaan dalam kalangan warganegara yang berbilang kaum.
- v. Kemahiran cendekiawan – kemahiran ini dapat membentuk kepintaran akal fikiran dengan melibatkan daya pemikiran dan mental. Pengajaran mata pelajaran Sejarah mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan emosi, daya pemikiran pelajar, menghubungkan, mentafsir, mengelas dan membuat kesimpulan yang menyeluruh dan padat.
- vi. Pemikiran kritis – proses perbandingan idea dan fakta yang kompleks melibatkan penaakulan pemikiran dalam mewujudkan dan mengembangkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar.

Pembelajaran mata pelajaran Sejarah ini berterusan selama lima tahun seperti yang dinyatakan dalam KBSM. Bermula pada tahun 2013, kerajaan mewajibkan pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) supaya lulus dalam mata pelajaran Sejarah sama seperti mata pelajaran Bahasa Melayu. Sementara itu, mata pelajaran Sejarah juga akan dijadikan subjek teras dalam Kurikulum Standart

Sekolah Rendah (KSSR) bermula pada tahun yang sama. Justeru itu, mata pelajaran Sejarah memainkan peranan yang sangat penting dalam merealisasikan hasrat dan inspirasi negara khususnya dalam pembentukan masyarakat yang seimbang dan harmonis dari segi JERI di samping mempunyai kuasa fikir yang tinggi, patriotik dan dapat mengimbangi antara nilai-nilai material dengan nilai-nilai kerohanian dan kemanusiaan. Menurut [9] matlamat pengajaran Sejarah di Malaysia seperti berikut:

- i. Mengenali keperibadian kebangsaan melalui sejarah
- ii. Mewujudkan perasaan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal
- iii. Mewujudkan ingatan bersama tentang sejarah sebagai rangka kesedaran kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia
- iv. Memupuk persefahaman dalam kalangan masyarakat antarabangsa
- v. Membangkitkan minat terhadap sejarah
- vi. Mencetuskan dan mengembangkan pemikiran kritis

Oleh itu, bagi memenuhi matlamat pengajaran mata pelajaran Sejarah, strategi pengajaran dan pembelajaran perlu dikemaskini bagi menambahkan pemahaman sejarah dan memperluaskan idea sejarah dalam kalangan pelajar [10]. Selain itu, strategi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah yang menarik juga akan memperkaya perolehan bahan sejarah dan meningkatkan kemampuan intelektualisme dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar yang terlibat [11].

Terdapat banyak bab dalam mata pelajaran Sejarah bagi Menengah Rendah iaitu sebanyak sebelas bab bagi Tingkatan Satu, lapan bab bagi Tingkatan Dua, dan lapan bab bagi Tingkatan Tiga. Susunan kurikulum bagi mata pelajaran Sejarah adalah saling berhubungan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga (Lampiran A). Pada peringkat Sekolah Menengah Rendah, kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah berfokus pada pemahaman yang menyeluruh dan memberi gambaran jelas tentang sejarah negara [8]. Oleh itu, sejarah lebih berbentuk rentetan peristiwa yang membincangkan tentang aspek kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Peta minda merupakan suatu kaedah mengingat dan mencatat nota yang berkesan kepada pelajar. Kaedah ini menggunakan beberapa kata kunci bagi menggambarkan keseluruhan fakta penting dalam sesebuah nota karangan yang panjang. Kaedah ini juga membolehkan seseorang melihat imej dan jalinan pengetahuan secara serentak dan ini dapat memudahkan pembaca untuk mengingat sejumlah maklumat dalam masa yang singkat (46). Peta minda amat sesuai digunakan bagi meringkaskan sesuatu maklumat supaya lebih mudah diingati oleh pelajar. Nota yang berbentuk peta minda lebih mudah digambarkan dan difahami berbanding satu kumpulan tulisan karangan yang panjang (49). Dalam mata pelajaran Sejarah, terdapat banyak fakta dan maklumat disampaikan dalam bentuk karangan yang memerlukan pelajar membaca dengan teliti. Pembacaan bahan bacaan tersebut akan menyebabkan pelajar tertekan dan seterusnya menimbulkan perasaan tidak suka dan bosan terhadap mata pelajaran Sejarah. Lantaran itu, ciri-ciri peta minda yang meningkatkan kreativiti pelajar melalui penggunaan kata kunci, warna dan simbol dapat memudahkan fakta difahami dengan mudah dan ringkas.

Sungguhpun kerajaan menekankan penguasaan mata pelajaran Sejarah bagi membentuk modal insan yang cemerlang, namun masalah yang sering dihadapi adalah pelajar tidak dapat menguasai mata pelajaran tersebut dengan baik [12]. Pelajar tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah lantaran kaedah pengajaran yang tidak berkesan dan kurang menarik perhatian pelajar. Walaupun Sejarah merupakan suatu ilmu yang penting dalam mendidik modal insan cemerlang, namun masalah pengajaran dan pembelajaran Sejarah sering mengganggu proses pembelajaran. Guru hanya menggunakan kaedah tradisional iaitu menghafal, berbincang, bercerita dan banyak lagi kaedah yang membosankan pelajar. Guru perlu bijak dalam menyelesaikan masalah-masalah berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang diajar [13].

Terdapat beberapa kekangan dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang dikenalpasti sebagai antara faktor yang menyebabkan prestasi pelajar terhadap mata pelajaran ini kurang memberangsangkan. Kekangan-kekangan tersebut termasuklah guru terlampau memberatkan peperiksaan, aktiviti pembelajaran yang bercorak hafalan, pengajaran bersifat tradisional, terlampau

terikat kepada buku teks, sukar menentukan objektif dan pengajaran Sejarah yang kurang berlandaskan kemahiran [10]. Penggunaan buku teks yang berlebihan akan menjadikan pengajaran bersifat stereotaip, kurang daya kreatif dan imaginatif.

Kebanyakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah menggalakkan pelajar menghafal hujah-hujah tanpa memahami signifikansi, kaitan dan implikasi sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku [5]. Keadaan ini akan menjadikan kebanyakan guru Sejarah tidak dapat membimbing para pelajarnya untuk mentafsir dan menggunakan sumber-sumber lain. Banyak kelemahan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah berpunca daripada kelemahan guru seperti tidak kreatif, kurang pengetahuan, tidak terlatih dalam bidang yang diajar, tidak mempunyai kemahiran mengajar dan sebagainya [12].

Waktu pertemuan guru dengan pelajar berjumlah 120 minit seminggu, iaitu tiga waktu pengajaran dengan dua kali hari perjumpaan sahaja (2+1) (Lampiran B). Berbanding dengan mata pelajaran teras yang lain, mata pelajaran Sejarah mempunyai waktu pertemuan yang singkat dalam seminggu (Lampiran C). Dengan jumlah waktu yang diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tersebut, banyak perkara yang guru harus lakukan dalam waktu yang singkat seperti mengajar, menyemak buku latihan dan kerja kursus. Kandungan bab bagi Sejarah Tingkatan Dua pula banyak iaitu sebanyak 11 bab. Keadaan ini bertambah buruk apabila komitmen guru dan pelajar terhadap kecemerlangan dalam peperiksaan menyebabkan corak pengajaran dan pembelajaran berorientasikan peperiksaan dan ini menyebabkan pelajar bosan ketika belajar.

Berdasarkan pengalaman pengkaji yang mengajar selama lima tahun (2007 hingga 2011), kebanyakan pelajar amat sukar untuk menguasai dan mengingat fakta dalam bab bagi Tingkatan Dua. Masalah mengingat fakta dan menghurai fakta merupakan satu perkara yang sentiasa dihadapi oleh pelajar [12]. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan pelajar tidak menguasainya dan menganggap sukar untuk mempelajarinya. Hasil analisis item Peperiksaan Pertengahan Tahun 2011 Tingkatan Tiga mendapati pelajar tidak dapat menjawab dengan baik bagi tajuk-tajuk Tingkatan Dua (Lampiran D).

Jadual 1.1 : Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Dalam Peperiksaan Bagi Tahun 2008 hingga 2011.

Tahun	Tingkatan / Pelajar	GRED					GPK
		A	B	C	D	E	
2008	1 (231 org)	49 (21%)	53 (23%)	104 (45%)	19 (8%)	6 (3%)	2.48
	2 (222 Orang)	38 (17%)	113 (52%)	61 (28%)	4 (2%)	3 (1.37%)	2.18
	3 (260 org)	67 (25%)	96 (37%)	62 (24%)	33 (13%)	1 (0.4%)	2.25
2009	1 (255 org)	39 (15%)	84 (33)	88 (35%)	34 (13%)	10 (4%)	2.58
	2 (226 org)	17 (8%)	29 (13%)	60 (27%)	113 (50%)	7 (3%)	3.28
	3 (219 org)	50 (23%)	102 (47%)	60 (27%)	6 (3%)	1 (0.5%)	2.11
2010	1 (222 org)	12 (5%)	43 (19%)	85 (38%)	78 (35%)	4 (2%)	3.09
	2 (255 org)	71 (28%)	77 (30%)	67 (26%)	33 (13%)	7 (3%)	2.33
	3 (225 org)	25 (11%)	58 (26%)	81 (36%)	54 (24%)	7 (3%)	2.82
2011	1 (198 org)	60 (30%)	92 (46%)	17 (9%)	28 (14%)	1 (0.5%)	2.08
	2 (218 org)	57 (26%)	72 (33%)	70 (32%)	16 (7%)	3 (1%)	2.25

Berdasarkan analisis keputusan peperiksaan seperti dalam Jadual 1.1, penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah adalah lemah. Tidak ramai yang dapat menguasai mata pelajaran Sejarah dengan baik dalam peperiksaan. Bilangan dan peratusan pelajar yang mendapat Gred A adalah sederhana tetapi bilangan yang mendapat peratusan Gred C, D dan E adalah ramai. Kumpulan pelajar Tingkatan Dua tahun 2012 dipilih sebagai populasi kajian kerana pelajar-pelajar ini akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2013. Persediaan awal yang mencukupi adalah amat perlu kerana mata pelajaran Sejarah saling berkesinambungan dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Oleh itu, adalah amat penting minat dan kecenderungan pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dipupuk sejak dari awal lagi.

Sehubungan itu, pemerhatian yang lebih terperinci terhadap tajuk Tingkatan Dua mendapati, pelajar sukar menguasai tajuk bagi Bab Dua iaitu 'Kekayaan Hasil Bumi Mendorong Campur Tangan British'. Terdapat banyak fakta dan perjanjian yang mesti pelajar kuasai dalam tajuk bab tersebut. Lantaran itu, kajian yang akan dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana kesan penggunaan peta minda terhadap pencapaian mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar Tingkatan Dua

di SMK (P) Temenggong Ibrahim. Peta minda dipilih sebagai alat pengajaran dalam kajian yang akan dijalankan kerana peta minda dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai maklumat yang diperlukan bagi sesuatu pengajaran Sejarah. Konsep Sejarah dapat disampaikan dengan begitu jelas sekali dengan menggunakan peta minda yang disediakan oleh guru [5].

#### **1.4 Matlamat Kajian**

Secara amnya, tujuan kajian ialah untuk mengenalpasti kesan penggunaan peta minda terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Dua di SMK (P) Temenggong Ibrahim, Batu Pahat, Johor.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Bagi mengatasi masalah yang berkaitan, kajian ini memerlukan objektif seperti berikut:

- i. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Sejarah melalui ujian pra.
- ii. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar dengan menggunakan peta minda bagi mata pelajaran Sejarah melalui ujian pasca.

#### **1.6 Soalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini akan cuba menjawab soalan-soalan di bawah:

- i. Apakah perbandingan pencapaian ujian pra kumpulan eksperimen dengan pencapaian ujian pra kumpulan kawalan?
- ii. Apakah perbandingan antara pencapaian ujian pra dengan pencapaian ujian pasca dalam kumpulan kawalan?
- iii. Apakah perbandingan antara pencapaian ujian pra dengan pencapaian ujian pasca dalam kumpulan eksperimen?
- iv. Apakah perbandingan pencapaian ujian pasca antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen?

### **1.7 Skop Dan Batasan Kajian**

Skop kajian hanya meliputi tajuk bagi mata pelajaran Sejarah Tingkatan Dua sahaja. Tajuk bab dipilih berdasarkan analisis item yang dikaji dan selaras dengan Rancangan Pengajaran Tahunan mata pelajaran Sejarah. Berdasarkan Rancangan Pengajaran Tahunan, tajuk tersebut akan diajar pada awal Februari yang mana ia selari dengan tempoh masa kajian.

Kajian ini hanya memilih sampel perempuan sahaja memandangkan kajian dilaksanakan di sekolah perempuan. Sampel terdiri daripada pelajar Tingkatan Dua sahaja. Topik yang akan difokuskan dalam penyelidikan ini adalah Sejarah Tingkatan Dua, Bab Dua sahaja kerana pelajar menghadapi masalah untuk menguasai dan mengingat fakta yang terdapat dalam bab tersebut. Populasi yang akan dipilih adalah di sebuah sekolah menengah di daerah Batu Pahat, Johor iaitu di SMK (P) Temenggong Ibrahim. Keputusan yang diperolehi ini akan hanya terhad pada tempoh waktu kajian dijalankan sahaja.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian yang telah dijalankan ini penting kepada guru dan pelajar ke arah strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan dan bermakna. Guru dapat menggunakan hasil keputusan yang diperolehi dalam menilai kaedah pengajaran yang terbaik dalam mata pelajaran Sejarah. Guru juga dapat merancang kaedah pengajaran mereka supaya lebih menarik dan teratur dengan menggunakan peta minda bagi mempelbagaikan bahan bantu mengajar di sekolah. Pelajar-pelajar ini merupakan calon-calon yang bakal mengikuti aliran Teknik dan Vokasional. Lantaran itu, minat, kecenderungan dan nilai pemikiran kritis pelajar ini dapat dipupuk melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

Pelajar-pelajar yang belajar menggunakan kaedah peta minda ini, akan mudah mengingat fakta-fakta kerana peta minda yang dibina menggunakan aspek-aspek kreatif dan menarik. Penggunaan deria yang lebih dari satu dapat memastikan sesuatu ilmu yang dipelajari itu akan diingati dan tidak menjemukan [14]. Selain itu, hasil penyelidikan ini dapat menambahkan himpunan ilmu pengetahuan tentang

pedagogi dalam pendidikan khususnya mata pelajaran Sejarah. Tambahan lagi, kajian ini juga dapat meningkatkan lagi martabat profesion keguruan.

### **1.9 Jangkaan Dapatan**

Dalam kajian yang dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah, dijangkakan penggunaan peta minda akan lebih memudahkan pelajar untuk belajar dan menguasai tajuk bagi Sejarah Tingkatan Dua, Bab Dua iaitu ‘Kekayaan Hasil Bumi Mendorong Campur Tangan British’. Kajian ini juga dijangka akan dapat menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah dan seterusnya meningkatkan tahap pencapaian pelajar.

### **1.10 Kerangka Konsep**


Kerangka konsep menerangkan hubungan pencapaian pelajar dengan kaedah peta minda yang digunakan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kaedah peta minda digunakan bagi membantu pelajar menguasai mata pelajaran Sejarah. Kesan penggunaan peta minda ini dapat dilihat dalam ujian pasca yang dijalankan selepas kumpulan eksperimen didedahkan dengan kaedah pembelajaran peta minda. Teori-teori dan model-model yang berhubungan dengan peta minda meliputi teori pembelajaran bermakna, teori pembelajaran berasaskan minda, teori pembelajaran kognitif, teori pembelajaran konstruktivisme dan model pembelajaran ekspositori.

Teori pembelajaran bermakna membolehkan pelajar menghubungkan ilmu baru dengan pengetahuan sedia ada dan seterusnya menghasilkan satu ilmu baru. Teori ini memberikan kebebasan kepada pelajar untuk mempelbagaikan dan mengembangkan idea dengan lebih baik. Penggunaan peta minda memerlukan fungsi otak atau minda seseorang. Lantaran itu, pembelajaran berasaskan minda juga digunakan sebagai salah satu teori pembelajaran. Setiap manusia memiliki dua hemisfera otak iaitu otak kanan dan otak kiri. Otak kanan memfokuskan pada estetik, kreatif dan naluri manakala otak kiri memfokuskan pada objektif dan akademik. Oleh itu, penggunaan otak kanan dan otak kiri ini perlu diseimbangkan bagi memaksimumkan potensi otak. Peta minda yang digunakan dalam mata pelajaran Sejarah menggabungkan antara fakta dengan kreativiti.



Teori pembelajaran berasaskan minda secara tidak langsung akan menggunakan kemahiran kognitif pelajar. Oleh itu, teori pembelajaran kognitif juga akan dijadikan sebagai panduan dalam kajian yang dijalankan ini. Struktur kognitif seseorang akan sentiasa berkembang jika berlaku pertambahan maklumat atau rangsangan. Rangsangan pada kognitif pelajar akan memberikan kesan kepada pelajar dan ia akan lebih mudah untuk diingati. Dalam teori pembelajaran konstruktivisme, pelajar perlu membina pengetahuan sendiri dengan menggunakan peta minda.

Segala teori yang dijelaskan di atas telah diterapkan dalam kajian yang dijalankan dengan menggunakan model pembelajaran ekspositori. Model ini menyatakan guru akan menerangkan dan menghuraikan dengan teliti tentang sesuatu isi kandungan yang ingin disampaikan dan pelajar mendengar dengan teliti. Setelah itu, bahan rangsangan akan diberikan dan pelajar perlu membina pemahaman sendiri berdasarkan penerangan yang diberikan. Ringkasan daripada huraian tersebut dapat dilihat seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian [15].

## **1.11 Definisi Operasi**

### **1.11.1 Peta Minda**

Trochim [16] menyatakan peta minda merupakan satu proses yang dapat membantu mengembangkan idea pada suatu topik yang berlainan. Peta minda merupakan antara kaedah pembelajaran yang efektif yang menggunakan percambahan idea dari satu konsep ilmu kepada cabang yang berkaitan [17]. Peta minda merupakan suatu pembinaan yang dibuat di atas sehelai kertas, idea penting diletakkan di tengah-tengah sebagai pusat utama dan idea lain yang berkaitan dikembangkan di luar idea utama dengan menggunakan pusat kecil, garisan, bongkah, geometri, warna dan sebagainya. Selain itu, peta minda merupakan sebuah susunan grafik yang mengandungi maklumat-maklumat tertentu, ditulis secara ringkas tetapi padat. Dalam kajian yang dijalankan ini, peta minda yang digunakan merujuk kepada susunan maklumat bagi tajuk-tajuk Tingkatan Dua. Susunan maklumat adalah sub-topik yang dikembangkan kepada beberapa cabang mengikut isi kandungan dengan perkataan yang ringkas.

### **1.11.2 Mata Pelajaran Sejarah**

Sejarah merupakan salah satu antara mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua pelajar sekolah menengah di Malaysia [8]. Mata pelajaran Sejarah mengandungi ilmu berkaitan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku yang memberi kesan dalam kehidupan masa kini dan masa hadapan. Ia menanamkan rasa cinta pada negara dan bangsa yang seterusnya akan melahirkan modal insan yang berjiwa patriotik. Kajian ini dijalankan ke atas mata pelajaran Sejarah Tingkatan Dua mengikut Sukatan Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **1.12 Rumusan**

Bab ini telah membicarakan pengenalan beberapa aspek penting dalam penyelidikan yang akan dijalankan. Dalam bab seterusnya pengkaji akan membicarakan teori-teori, model pembelajaran dan kajian-kajian lepas yang berkaitan.

## BAB 2


### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, huraian akan diberikan secara mendalam tentang teori-teori yang terdapat dalam konsep pembelajaran, model pembelajaran, teori pembelajaran, peta minda serta kajian-kajian yang telah dijalankan.

#### 2.2 Konsep Pembelajaran

Menurut Gange [18], proses pembelajaran terdiri daripada beberapa fasa atau peringkat, iaitu meliputi motivasi atau perhatian, jangkaan, perolehan ingatan kembali, pemilihan persepsi, mengkod dan penyimpanan jangka panjang, gerak balas atau prestasi, maklum balas dan peneguhan serta generalisasi atau pemindahan pembelajaran. Proses-proses tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:



Rajah 2.1: Proses Pembelajaran [18].


Proses pembelajaran adalah berfokus pada setiap perkara dalam domain pelajar [19]. Proses pembelajaran bergantung pada beberapa faktor seperti kesediaan, motivasi, pengamatan dan penanggapan, ingatan dan lupa, pemindahan pembelajaran, pemikiran serta nilai dan sikap pelajar [20]. Lantaran itu, tahap penguasaan pembelajaran adalah berbeza-bebeza antara setiap pelajar dan tahap kesediaan pelajar. Kesediaan pelajar adalah suatu situasi yang membolehkan pelajar itu menerima dan menikmati pembelajaran dengan berkesan. Tahap kesediaan pelajar ini bergantung pada faktor kematangan dan pengalaman pelajar sendiri.

## **2.3 Teori-teori Pembelajaran**

### **2.3.1 Teori Pembelajaran Bermakna**

Teori Pembelajaran Bermakna (*Meaningfull Learning Theory*) telah diperkenalkan oleh seorang pakar psikologi iaitu David Ausubel pada tahun 1978. Teori ini berdasarkan kebolehan pelajar menghubungkan antara ilmu baru dengan pengetahuan sedia ada [21]. Terdapat empat komponen yang sesuai digunakan dalam mempromosikan pembelajaran bermakna iaitu merangkumi persekitaran pembelajaran dalam kelas, kurikulum yang sesuai, strategi pengajaran dan motivasi pengajar [22]. Pembelajaran Bermakna menyediakan pelbagai andaian dan tanggapan berkenaan tumpuan pada perkara yang ingin disampaikan [23]. Teori ini menghendaki pelajar bekerjasama dalam membentuk lebih banyak idea dan konsep [24]. Teori ini memberi kebebasan kepada pelajar untuk mempelbagaikan dan mengembangkan idea dengan lebih baik. Berikut dinyatakan beberapa ciri Pembelajaran Bermakna:

- i. *Non-arbitrary, non-verbatim*, saling berhubung dan bekerjasama terhadap pengetahuan baru.
- ii. Sentiasa dihubungkan antara pengetahuan baru dengan pengetahuan yang tinggi (pengetahuan sedia ada) (Rajah 2.2).
- iii. Pembelajaran berkaitan dengan pengalaman sesuatu perkara.
- iv. Lebih efektif dengan menghubungkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada.



Rajah 2.2 : Hasil kreativiti pada aras tinggi dalam Pembelajaran Bermakna [25]

Kajian [26] telah membuktikan bahawa pembelajaran bermakna dan berkesan dapat dilakukan melalui strategi kognitif pengajaran dan pembelajaran menggunakan peta minda. Kenyataan ini disokong oleh [27] yang menyatakan bahawa peta minda merupakan alatan untuk pembelajaran bermakna. Pelajar berasa yakin dengan menggunakan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran dan mampu memberikan pembelajaran bermakna serta memberi pengetahuan yang tinggi terhadap apa yang diterima semasa belajar berbanding kaedah konvensional. Penggunaan peta minda secara berkesan juga akan melibatkan perkembangan pembelajaran kognitif pelajar. Pelajar akan mempelajari bahan yang disampaikan oleh guru dengan lebih cepat jika guru membentuk kumpulan-kumpulan kecil pelajar dan menggunakan lakaran grafik yang berbentuk gambar atau bentuk-bentuk susunan

perkataan. Penggunaan peta minda adalah satu strategi kognitif yang mudah digunakan. Bagi menyelesaikan masalah yang diberikan, pelajar akan menggunakan kemahiran intelek untuk berfikir bagi memilih cara yang mudah untuk menyelesaikannya.

### **2.3.2 Teori Pembelajaran Berasaskan Minda**


Teori pembelajaran berasaskan minda merupakan satu teori yang berdasarkan struktur dan fungsi otak atau minda manusia. Setiap manusia dilahirkan dengan otak yang berfungsi sebagai sebuah *processor* yang sangat berkuasa dan cukup kompleks serta mempunyai potensi yang sangat besar untuk menangani proses pemikiran yang pelbagai. Menurut [28] otak mengandungi lebih satu trillion sel, yang mana setiap 100 bilion daripadanya adalah terdiri daripada sel neuron iaitu sel otak. Neuron inilah yang berfungsi untuk menghantar maklumat dan maklum balas yang berbentuk pemikiran dan tindakan seseorang.

Menurut [29] otak manusia boleh menyimpan lebih banyak maklumat dari seluruh perpustakaan seluruh dunia. Buzan [30] menyatakan setiap waktu terdapat kira-kira 100,000 hingga satu juta aktiviti kimia sedang berlaku dalam otak manusia. Kapasiti otak manusia mampu mencapai kelajuan 250 kilometer sejam apabila menghantar maklumat dari satu neuron ke satu neuron yang lain.

Secara umumnya otak kiri manusia lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti mental melibatkan logik, menyenarai, perkataan, nombor, analisa, mengingat nama, penulisan, melihat bahagian, penaakulan dan abstrak. Manakala otak kanan manusia lebih tertumpu kepada aktiviti mental yang melibatkan ritma, imaginasi, berangan, mengingat wajah, melihat keseluruhan, warna, menjana idea, muzik, konkrit dan tidak rasional [28]. Secara ringkasnya, otak kiri melakukan pembelajaran objektif dan akademik, manakala otak kanan pula untuk pembelajaran holistik, subjektif, estetik, kreatif dan berbentuk naluri [31].

Walaupun kecenderungan seseorang hanya tertumpu pada otak kiri atau otak kanan sahaja, namun kedua-dua hemisfera otak ini terlibat secara langsung dalam corak pemikiran seseorang [32]. Gabungan fungsi otak kanan dan otak kiri akan melahirkan pemikiran yang kreatif dan bijaksana. Menurut Buzan [30] peta minda

menggunakan keseluruhan kebolehan otak dengan maksima. Fungsi otak ini secara tidak langsung juga memberi kesan kepada cara seseorang belajar.



Rajah 2.3: Kebolehan otak kiri dan otak kanan yang berbeza tetapi saling melengkapi antara satu sama lain [30].


Pembelajaran berasaskan otak adalah satu teori yang menyatakan bahawa proses pembelajaran berkait rapat dengan struktur perkembangan otak. Proses pembelajaran akan berlaku jika fungsi otak tidak dihalang daripada proses-proses semulajadi [33]. Pengajaran secara tradisional yang berpusatkan guru kerap kali menghalang pembelajaran, tidak menggalakkan pemikiran, malah mengabaikan dan menghukum proses-proses pembelajaran semulajadi otak. Sebelum seseorang guru itu menyampaikan pengajarannya, guru perlu memastikan persekitaran yang sesuai untuk mendorong proses pembelajaran itu berlaku dengan maksimum dan berkesan mengikut cara otak belajar [34].

Pembelajaran berasaskan minda ini menyarankan agar proses pembelajaran dilaksanakan berdasarkan cara otak berfikir dan berfungsi [34]. Fungsi otak secara semulajadi adalah menyimpan semua pengalaman pembelajaran yang pernah berlaku pada diri seseorang. Terdapat pelbagai cara maklumat diproses oleh otak seperti menganalisis, menghurai, membanding, menghubungkan, mensintesis, menilai, membuat keputusan dan sebagainya.



Terdapat empat struktur otak berfikir yang dikenali sebagai Model Empat Kuadran Berfikir [35]. Berdasarkan model ini, otak kiri dan otak kanan akan menyumbang kepada proses pemikiran dengan cara yang berbeza-beza walaupun individu tersebut menunjukkan kecenderungan kognitif terhadap kuadran tertentu. Model ini dapat membantu guru memahami kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar untuk merancang dan menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

Model Empat Kuadran Berfikir ini membahagikan struktur otak berfikir kepada empat kuadran. Kuadran A merujuk kepada pembelajaran luar iaitu pelajar belajar melalui pengajaran orang lain seperti guru dan pensyarah. Kuadran B merujuk pembelajaran prosedur iaitu belajar secara langkah demi langkah, mengikut arahan dan berlatih secara berulang kali untuk memastikan penguasaan kemahiran. Kuadran C merujuk pembelajaran interaktif iaitu belajar melalui perbincangan, aktiviti *hands-on* dan eksperimen berasaskan deria. Kuadran D pula merujuk kepada pembelajaran dalaman iaitu belajar secara holistik melalui intuitif, celik akal, visual dan mensintesis data.



Rajah 2.4: Model Empat Kuadran Berfikir [35].

### 2.3.3 Teori Pembelajaran Kognitif

Teori pembelajaran kognitif merujuk kepada tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang kesan daripada pembelajaran yang diperolehinya. Perubahan yang berlaku dijadikan sebagai petunjuk kepada sebarang kemungkinan yang berlaku dalam minda seseorang. Berdasarkan teori ini, pembelajaran merupakan suatu proses yang melibatkan pemerolehan dan penyusunan semula struktur kognitif kepada bentuk-bentuk yang lebih bermakna dan mudah diingat oleh seseorang [34].

Teori ini bermula apabila Piaget [36] menerangkan sistem minda kanak-kanak akan berkembang jika kanak-kanak itu berinteraksi atau berhubung dengan persekitarannya. Minda dan pemikiran itu akan sentiasa berkembang dan berubah hasil daripada penyerapan dan penyimpanan maklumat-maklumat baru. Teori ini seterusnya berkembang apabila Gagne [18] memperkenalkan tiga peringkat pemprosesan maklumat, iaitu meliputi daftar deria (*sensory register*) dalam ingatan aktif, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.

Teori ini menekankan maklumat dalam minda sentiasa diproses dan diadaptasi apabila terdapat maklumat baru yang diterima dan proses itu dinamakan proses pembelajaran. Maklumat baru yang digunakan beberapa kali akan menjadi kekal dan disimpan dalam ingatan jangka masa panjang untuk satu tempoh yang lama. Apabila maklumat tersebut diperlukan kembali, ia akan diaktifkan semula dan dibawa ke ingatan aktif untuk digunakan kembali. Teori Gagne ini disokong oleh Ausubel [25] melalui kajiannya. Menurut Ausubel, jika sesuatu pembelajaran itu memberikan kesan kepada pelajar, maka ia akan lebih mudah dipelajari diingat dan dihubungkan dengan sistem minda yang sedia ada malah akan lebih kekal dalam ingatan.

Setiap individu mempunyai gaya pembelajarannya yang tersendiri sama ada secara bersendirian, berkumpulan, berserta bantuan visual yang banyak, melalui pendengaran sahaja atau bergantung kepada pembacaan buku teks [10]. Lantaran itu, guru haruslah bijak menyesuaikan dan menggabungkan gaya pembelajaran pelajar dengan teknik pengajaran supaya dapat membentuk minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Terdapat beberapa teknik pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang menarik dan mampu membantu pelajar menguasai serta memahami dengan baik. Seorang guru mestilah bersifat profesional kerana memiliki ciri-ciri yang

berikut i) kepentingan sosial bidang guru, ii) komitmen guru kepada pelajar, iii) peranan guru dalam mendidik masyarakat; dan iv) bersifat ilmiah [37]. Terdapat banyak teknik pengajaran Sejarah namun dalam kajian yang dilakukan ini, kaedah peta minda digunakan bagi melihat kesan penggunaannya dalam membantu pelajar mencapai keputusan yang lebih baik.

### 2.3.4 Teori Pembelajaran Konstruktivisme

Konstruktivisme telah lama diamalkan dalam bidang falsafah, sosiologi dan antropologi, psikologi dan pendidikan. Teori ini telah diperkenalkan oleh Jean Piaget yang mengemukakan empat tahap perkembangan minda kanak-kanak (Jadual 2.1) [32] [38]. Menurut teori konstruktivisme, ilmu pengetahuan dan maklumat tidak boleh dipindahkan daripada guru kepada pelajar secara tabula rasa, tetapi pelajar perlu membina pengetahuannya sendiri melalui pemahaman yang diperoleh daripada proses pembelajaran yang dialaminya sendiri [34]. Oleh itu, pengetahuan seseorang tentang sesuatu perkara bergantung kepada persepsi, kepercayaan dan pengalaman tentang perkara tersebut.

Jadual 2.1: Tahap Perkembangan Kanak-kanak Piaget

Tahap Perkembangan	Umur	Ciri-ciri
Deria Motor ( <i>Sensori-Motor</i> )	0 – 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Refleksi tingkah laku yang mudah untuk membentuk paten tingkah laku</li> <li>• Mula menggunakan deria motor untuk memahami dan berinteraksi dengan persekitrannya.</li> </ul>
Pra-Operasi ( <i>Pre-Operational</i> )	2 – 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermulanya pengenalan simbol, bahasa dan imaginasi</li> <li>• Pemikiran bersifat egosentrik</li> </ul>
Operasi Konkrit ( <i>Concrete-Operational</i> )	7 – 11	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermulanya pemikiran logik berkenaan fizikal</li> <li>• Tiada keupayaan berfikir secara abstrak</li> </ul>
Operasi Formal ( <i>Formal-Operational</i> )	11 +	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak mampu berfikir secara abstrak</li> <li>• Boleh menyelesaikan masalah operasi songsang dan masalah abstrak</li> </ul>

Appleton [39] menyatakan bahawa pelajar membina ilmu pengetahuan dan memberi makna kepada pengetahuan tersebut berdasarkan pengalaman sendiri melalui proses aktif yang berlaku dalam otak. Oleh itu, pemahaman dan makna ilmu pengetahuan adalah bergantung pada cara ia dibentuk dalam minda pelajar. Setiap individu membina pengetahuan bukan menerima pengetahuan daripada orang lain [9]. Pelajar membina pengetahuan mereka dengan menguji idea dan pendekatan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baru yang diperolehi dengan binaan intelektual yang sedia wujud [40].


Murid akan membina sendiri secara aktif pengetahuan atau konsep berdasarkan kepada pengetahuan atau pengalaman yang sedia ada dan tidak menerima pengetahuan secara pasif dari persekitaran. Pembelajaran konstruktivisme ini menekankan pelajar tidak diberikan nota semata-mata sebaliknya pelajar perlu menjana sendiri ilmu baru berdasarkan ilmu pengetahuan yang diberi. Menurut [41] pendekatan konstruktivisme ini sangat penting dalam proses pembelajaran kerana pelajar digalakkan membina konsep sendiri dengan menghubungkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan sedia ada.

Pengetahuan, idea, konsep, kemahiran dan maklumat yang diterima akan diproses dalam minda dan diserapkan dengan pengalaman serta pengetahuan sedia ada. Hasil daripada proses ini akan menghasilkan satu ilmu baru yang lebih bermakna kepada pelajar. Guru berperanan sebagai fasilitator yang membantu pelajar membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Pelajar berpeluang untuk membina ilmu pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan pelajar dengan situasi sebenar.

## **2.4 Model Pembelajaran Ekspositori**

David Ausubel telah mengemukakan model pembelajaran ekspositori sebagai kesinambungan kepada teori pembelajaran bermakna. Model ekspositori ini menekankan guru haruslah menerangkan kepada pelajar dalam fakta yang tersusun dan lengkap bagi memudahkan kefahaman pelajar. Peranan guru adalah sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar. Pelajar akan mendengar penerangan terlebih dahulu dan mendengar dengan teliti hingga faham dan ingat

fakta yang diberikan atau merekodkan isi-isi penting. Menurut [42] kaedah ekspositori ialah penyampaian pelajar melalui penerangan, penceritaan atau demonstrasi dengan tujuan mengajar sesuatu.



Rajah 2.5: Model Ekspositori [42]

Penggunaan model ini menyatakan guru akan menerangkan konsep, fakta, hukum atau prinsip sesuatu ilmu. Menurut [24], cara penyampaian model ini seperti berikut:

- i. Menerang, menginterpretasi dan menghurai idea dan konsep daripada buku.
- ii. Menerangkan sambil mendemonstrasi cara melukis atau membina bentuk-bentuk geometri.
- iii. Menerangkan langkah-langkah penyelesaian masalah berdasarkan kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari.
- iv. Menerangkan sesuatu konsep dengan alat bantu mengajar.

Kebaikan menggunakan model ekspositori ialah guru dapat menjimatkan masa ketika penyampaian isi pelajaran kerana pelajar akan mendengar sahaja ketika isi pelajaran dan konsep disampaikan dan diterangkan [42]. Ketika guru menyampaikan isi pelajaran, pelajar boleh mencatat nota ringkas berdasarkan pemahaman sendiri. Pelajar juga dapat menjimatkan masa dengan meringkaskan pemahaman secara berstruktur dan teratur. Model ekspositori ini merupakan kaedah yang paling berkesan dalam penyampaian kemahiran, konsep dan prinsip seperti dalam mata pelajaran Sejarah [42].

## 2.5 Mata Pelajaran Sejarah

Sejarah merupakan mata pelajaran teras bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah yang termatub dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Penekanan terhadap mata pelajaran Sejarah ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (69). Mata pelajaran Sejarah mengandungi banyak idea yang abstrak serta konsep yang sukar difahami (54). Keadaan ini menyebabkan pelajar sukar untuk menguasai konsep Sejarah dengan tepat dan baik. Fakta mempunyai kaitan dengan konsep kerana fakta merupakan maklumat atau data yang membantu membentuk, membina dan mengembangkan sesuatu konsep (70).

Pendidikan Sejarah bertujuan memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia (8). Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan negara, pelajar dapat memahami keadaan masyarakat serta hubungannya dengan sejarah dunia. Pendidikan Sejarah juga dapat mewujudkan ingatan bersama terhadap Sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran dan persefahaman antarabangsa (8). Peranan mata pelajaran sangat penting dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi negara khususnya dalam pembentukan masyarakat yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani disamping mempunyai kuasa berfikir yang tinggi, patriotik dan dapat mengimbangi antara nilai-nilai material dengan nilai-nilai kerohanian dan kemanusiaan (71).

Kementerian Pelajaran Malaysia telah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah dan menjelang tahun 2012, mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai subjek wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Langkah ini merupakan langkah yang bijak dan tepat kerana mata pelajaran ini penting dalam usaha membina insan yang sempurna dan patriotik serta mempunyai sifat toleransi yang tinggi. Oleh itu, penekanan kepada teknik pengajaran yang membolehkan pelajar menguasai konsep dalam mata pelajaran Sejarah adalah wajar dilakukan. Justeru, penggunaan peta minda akan dapat membantu pelajar lebih fokus, dapat membuat intepretasi dan lebih mudah memahami topik yang dipelajari. Peta minda dapat memudahkan pemikiran pelajar, membantu mengukuhkan daya ingatan dan pelajar dapat mengingati fakta-fakta penting dan dapat menghurai dengan lebih baik (70).

## SENARAI RUJUKAN

1. Ahmad, A. Rahman, S.H.A. dan Abdullah, N.A.T. Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 2009. 34 (1): 53-66.
2. Zakuan, N. *Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. 2011.
3. Arshad, A.R. Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad Dalam Pendidikan Negara: Implikasinya Ke Atas Dasar Pendidikan Negara Masa Kini Dan Masa Hadapan. *Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM)*. 12 Februari. Kedah: Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. 2004. 15-27.
4. Razak, M.R. Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. 2009. *JEBAT*. 2009. Jilid 36: 90-106
5. Ashaari, O. & Muhamad, Y. *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1996.
6. Salleh, M.J. *Kurikulum Sejarah Sekolah Menengah: Perspektif Pelajar-pelajar*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insan. 2003.
7. Peters, R.S. *Educational And The Education Of Teachers. Volume 18*. London: Henly & Boston. Routledge & Kegan. 2010.
8. Kementerian Pelajaran Malaysia. Sukatan Pelajaran Sejarah. Malaysia: Pusat Perkembangan Kurikulum. 2000.
9. Ahmad, S. Penghayatan Mata Pelajaran Sejarah: Teknik Belajar Berkesan Dan Teknik Menjawab Soalan SP. *Seminar Pendidikan Sejarah*. 27 Jun. Johor Bahru: Jabatan Pelajaran Johor. 2002. 1-18.
10. Rahmat, N.R. *Penghasilan Modul Pengajaran Guru Bagi Mata Pelajaran Sejarah*. Tesis Sarjana. KUITTHO. 2003.
11. Hashim, O.M. Falsafah Pendidikan Sejarah. Dalam *Sejarah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992. 1-13.

12. Hwa, T.G. *Masalah Pembelajaran Sejarah: Satu Kajian Tindakan*. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia. 2004.
13. Sabar, S. dan Khalid M. Kertas Konsep Faktor-faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Pengurusan Lepas Ijazah-Pengkhususan Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. 2005. Jilid 6: 35-52.
14. Aris, B. *Teknologi Pendidikan dan Tradisi Kepada Yang Terkini*. Johor: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. 2002.
15. Hanafi, N. *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Berbentukan Komputer Bagi Mata Pelajaran Teknologi Bangunan Dan Bahan*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. 2002.
16. Trochim. 1989. *Concept Mapping Resource Guide*. Retrieved from <http://www.socialresearchmethods.net/maping/maping.html>
17. Abdosamad, M.I.I. *Pembangunan Dan Penilaian Modul Pembelajaran Berkonsepkan Peta Minda Bagi Subjek Pengajian Kejuruteraan Elektrik*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. 2007.
18. Smith, E.E dan Kosslyn, S.M. *Cognitive Psychology Mind And Brain*. New Jersey: Pearson Education. 2007.
19. Hussin, S. Kualiti Pengajaran-Pembelajaran dan Keberkesanan Sekolah: Kerangka Model untuk Penyelidikan. *Pengajaran dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 2002.
20. Ee, A.M. *Psikologi Pendidikan II*. Edisi Kedua. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 2003.
21. Taricani, E. Influences of Concept Mapping and Learning Styles on Learning. Dalam *Annual Proceedings of Selected Research and Development Papers Presented at the National Conventions and Technology, 23rd, Denver*. 2000. October 25-28. Volumes 1-2.
22. Zisk, J. 1998. *Promoting Meaningful Student Learning-The Components of Meaningful Learning*. Retrieved from <http://sciteched.org/curriculum/learning/Instruction.htm>
23. Wiske, M.S. *Teaching for Understanding: Linking Research With Practice*. San Francisco, CA: Jossey-Bass Publishers. 1998.
24. Zainal Abidin, N. *Kesan Penggunaan Peta Konsep Ke Atas Pencapaian Mata Pelajaran Rekabentuk Sistem Dalam Kalangan Pelajar Program Ijazah Sarjana*



- Muda Teknologi Maklumat Dan Multimedia*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. 2008.
25. Abbeduto, L. dan Symons, F. *Taking Sides: Clashing Views In Educational Psychology*. Edisi Keenam. New York: Mc Graw Hill. 2010.
  26. Gowin, D.B. dan Alvares, M.C. *The Art Of Educating With V Diagrams*. New York: Cambridge University Press. 2005.
  27. Antonio, P.F., Clara, I.E. dan Freitas da Fonseca F. Concept Mapping: A Strategy for Meaningful in Medical Micribiology. *Concept Maps: Theory, Methodology, Technology Proc. of the Institute Conference on Concept Mapping*. Pamplona: Spain. 2004.
  28. Said, M.M. dan Haron, H. Otak Dan Minda Manusia. *Peningkatan Minda*. Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia. 2004.
  29. Restak, R. *The Modular Brain*. New York: Scribner. 1994.
  30. Buzan, T. *The Speed Reading Book*. London: BBC Worlwide Limited. 2003.
  31. De Porter, B. dan Hernacki, M. *Quantum Learning: Unleashing The Genius In You*. New York: Dell Publising. 1992.
  32. Pritchard, A. *Way Of Learning: Learning Theories And Learning Styles In The Classroom*. Edisi Kedua. New York: Routledge Taylor & Francis Group. 2009.
  33. Ruzi, M. 2011. *Strategi Pengajaran dan Pembelajaran*. Dicapai dari [http://mohdruzzi.blogspot.com/2008\\_08\\_01\\_archive.html](http://mohdruzzi.blogspot.com/2008_08_01_archive.html)
  34. Ayob, A. Pembelajaran Berasaskan Minda dan Implikasinya Kepada Pendidikan. *Syarahan Umum Dewan Budaya USM*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. 2005.
  35. Herrmann, N. *The Creative Brain*. Edisi Kedua. Kingsport: Querebecor Printing Book Group. 1995.
  36. Good, T.L. & Brophy, J.E. *Educational Psychology: A Realistic Approach*. New York: Longman. 1990.
  37. Macmath, S. Interrogating Paradigmatic and Narrative Analyses Against A Backdrop of Teacher Profesionalism. *International Journal of Research and Method in Education*. , July 2009. Vol.32, No.2. 137-150.
  38. Mook, S.S. *Psikologi Pendidikan*. Perak: Multimedia Sdn. Bhd. 2010.
  39. Appleton, K. Analysis And Description Of Students Learning During Sciene Classes Using A Constructivist-Based Model. *Journal Of Research In Sciene Teaching*.1997. 34(3), 303-318.

40. Mustapha, R. Pengintegrasian Akademik Dan Vokasional: Cabaran Pendidikan Alaf Baru. *Jurnal Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia*. 2000. 32 (E). 11-22.
41. Nair, S dan Muthiah, M. Penggunaan Model Konstruktivime Lima Fasa Needham Dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 2005. Jil.20, 21-41.
42. Mook, S.S. *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 2002.
43. Moon, J. A. *Reflection in Learning and Professional Development: Theory and Practice (2nd ed)*. United Kingdom: Kogan Page Ltd. London. 2000.
44. Svantesson, I. *Learning Maps and Memory Skills*. Edisi Kedua. London: Kogan Page Limited. 1998.
45. Deshler, D.D. An Instructional Model for Teaching Students How to Learn dalam J.L. Graden, Zins J.E. and. Curtis M.J (Eds.). *Alternative Educational Delivery System: Enhancing Instructional Options for All Students*. National Association of School Psychologists. Wasington DC. 1990. 391-411.
46. Buzan, B. dan Buzan, T. *The Mind Map Book*. London: BBC Worldwide Limited. 2003.
47. Faujdar, M.S. *Kualiti Pengajaran Sejarah di Sebuah Sekolah Menengah Daerah Sabak Bernam*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2000.
48. Romance, N.R. dan Vitale, M.R. Concept Mapping As A Tool For Learning: Broadening The Framework For Student-Centred Instruction. *Collage Teaching*. 1998. 47(2): 74-79.
49. Taha, M. Belajar Cara Mudah. *Peningkatan Minda*. Pusat Pengajian Umum Bangi: UKM. 2004.
50. Schwartz, D.J. Terjemahan. *The Magic Of Thinking Big*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. 2010.
51. Coffey, J. dan Canas, A. 2000. A learning Enviroment Organizer for Asynchronous Distance Learning Systems. *The Institute for Human and Machine Congnition*. <http://www.ihmc.us/users/acanas/Publications/Leo-Iasted/Leo%20Iasted%20Conf.htm>
52. Tukiran, A. *Kesan Penggunaan Peta Konsep Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Matapelajaran Fizik Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Teknik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal*. Tesis Sarjana KUITTHO. 2004.

53. Ahmad, S. *Penghasilan Transparensi Berkonsepkan Peta Minda Mata Pelajaran P420 Undang-Undang Syarikat Di Politeknik*. Tesis Sarjana. KUITHO. 2004.
54. Aziz, Z. dan Jair, N. Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah Bagi Pelajar Tingkatan Dua. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 2009. 34 (1)(2009): 3-15.
55. Wahidin, Othman K. dan Mohd. Meerah T.S. Penggunaan Peta Konsep dan Peta Vee dalam Meningkatkan Sikap Pelajar Terhadap Kimia. *Jurnal Pendidikan* (29). 2004. Bangi: Penerbitan UKM.
56. Saraswati, M. *Kesan Penggunaan Peta Minda Terhadap Pelajar Diploma Akuantasi di Politeknik*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. 2004.
57. Idris, N. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. 2010.
58. Bloom, B.S. dan Yunus, A. Terjemahan. *Taksonomi Objektif Pendidikan: Buku Pedoman 1: Panduan Kognitif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992.
59. Abdul Ghafar, M.N. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. 1997.
60. Konting, M. M. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004.
61. Chua, Y.P. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2)*. Malaysia: Mc Graw Hill Education. 2006.
62. Fraenkel, Jack.R. *How To Design And Evaluate Research In Education*. Mc Graw Hill. 1996.
63. Kubiszyn, Tom. *Educational Testing And Measurement : Classroom Application And Practice*. John Wiley, 2003.
64. Popham, W. James. *Modern Educational Measurement : A Practitioner's Perspective*. Allyn & Bacon. 1990.
65. Bond, T.G. dan Fox, C.M. *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement In The Human Sciences. (2nd edition)*. New Jersey. Lawrence Erlbaum Associates. 2007.
66. Linacre, J.M. *Winsteps Computer Program Version 3.69.1.11*. (15 Mei 2012).

67. Ling, T.G. Meningkatkan Keupayaan Pelajar Mengingat Fakta Sejarah Dengan Menggunakan Kaedah Mneumonik, dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan*, 2005.
68. Rathakrishnan, M. dan Rathakrisnan, B. *Kesan Penggunaan Peta Konsep dan Pembelajaran Koperatif Terhadap Prestasi Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah. 2005.
69. Hisham O.M. 1992. Falsafah Pendidikan Sejarah *Dalam Persatuan Sejarah Malaysia. Sejarah Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
70. Abd. Rashid. A.R. 2000. *Model Dan Pendekatan Pengajaran Sejarah KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
71. Ahmad A., Siti A.B. dan Atiqah T.A. Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya Dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009):53-66.